

10 positif HIV setiap hari

Suri rumah Melayu paling berisiko hidap virus berbahaya

B/Minggu 25/9/2011
ms 9.

LAPORAN KHAS

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kira-kira 10 rakyat Malaysia dikesan HIV positif setiap hari dengan suri rumah terutama Melayu berisiko lebih lima kali ganda dijangkiti Human Immunodeficiency Virus (HIV) akibat hubungan seksual berbanding pekerja seks yang mengamalkan seks selamat sepanjang masa bertugas.

Berdasarkan statistik Unit Kawalan Penyakit, Jabatan Kementerian Kesihatan pada 1986 hingga 2010, sebanyak 91,362 rakyat Malaysia dijangkiti HIV dengan 3,291 orang daripadanya adalah suri rumah berbanding 593 pekerja seks.

Selain itu, seramai 725 kakitangan kerajaan turut dijangkiti diikuti pelajar (312), badan beruniform (698), nelayan (3,399), pekerja industri (6,048), sektor swasta (1,500), pemandu (2,261), tidak bekerja (16,320) dan lain-lain pekerjaan (30,507).

Mengikuti pecahan kaum, seramai 65,235 daripada keseluruhan pesakit HIV berbangsa Melayu, diikuti Cina (13,283), India (7,190), Bumiputera Sabah (760), Bumiputera Sarawak (2,267), lain-lain (496), bangsa asing (1,596) dan tidak diketahui (535).

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Tan Sri Zaman Khan, berkata demografik kajian menunjukkan wanita berisiko dijangkiti HIV bukan disebabkan kecuaiannya sendiri, sebaliknya jangkitan menerusi hubungan kelamin tidak selamat bersama suami.

"Wanita tidak mampu berbincang dengan suami untuk mengamalkan

seks selamat mahupun menggunakan kondom sekali gus takut bertegas dan dipukul apabila melakukan hubungan tanpa penetrasi bersama suami

"Apabila kita lihat statistik, sangat menyedihkan wanita terutama suri rumah di kawasan luar bandar menjadi mangsa kerana kekejaman suami sendiri. Kesan bukan hanya kepada isteri tetapi anak juga menerima kesan sosial apabila ibu bapa sakit," katanya kepada *Berita Minggu*.

Statistik berkenaan turut menyebutkan faktor jangkitan paling berisiko disebabkan perkongsian jarum suntikan sebanyak 63,680 diikuti hubungan heteroseksual (berlainan jantina) (16,320), homoseksual dan biseksual (2,047), ibu kepada anak (832),

pemindahan darah (3), penerimaan organ (0) dan tidak diketahui (8,449).

Mengikuti laporan ketika Sidang Kemuncak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Jun lalu, jumlah pesakit HIV di seluruh dunia dianggarkan seramai 34 juta orang dengan 1.8 juta kematian setiap tahun dan kira-kira 7,000 jangkitan baru dikesan setiap hari.

Bagi membanteras ancaman virus maat yang melanda seluruh negara, Presiden Perhimpunan Agung PBB (UNGA) Joseph Deiss selepas deklarasi dipersetujui sebulat suara oleh anggota PBB menetapkan sasaran supaya jumlah penderita HIV di negara miskin yang mendapat rawatan retroviral (bantuan dadah) ditingkatkan sekali ganda kepada 15 juta orang menjelang 2015.

Sehingga kini, PBB menganggarkan kira-kira 6.6 juta orang pembawa HIV mendapat rawatan sedemikian

dan mengarahkan peruntukan besar disalurkan untuk merawat AIDS.

Antara penekanan penting dibincangkan merangkumi penegasan menyekat jangkitan HIV dari ibu kepada anak melalui langkah-langkah pencegahan yang lebih berkesan sekali gus mengawal wabak HIV dan AIDS kepada golongan berisiko seperti homoseksual, pelacur dan penagih dadah.

Mengulas mengenai pekerja seks di negara ini, Zaman berkata, wujudnya beberapa faktor perubahan signifikan dalam industri pekerja seks Malaysia apabila lebih ramai mangsa dijangkiti virus HIV akibat hubungan seksual.

Berdasarkan statistik HIV dan AIDS 2010 yang dikeluarkan oleh Unit Kawalan Penyakit, Jabatan Kesihatan Malaysia, ada peningkatan kes HIV baru sebanyak 3,652 pada 2010 berbanding 3,652 (2009). Malah, didedahkan bahawa lebih banyak orang dijangkiti HIV melalui hubungan seksual.

Pada 2009, sebanyak 55 peratus jangkitan HIV baru disebabkan perkongsian jarum suntikan dadah berbanding kes jangkitan melalui perhubungan seksual iaitu 31.9 peratus. Pada 2010, kes jangkitan akibat perhubungan seksual menyumbang sebanyak 48.5 peratus daripada 3,652 kes jangkitan HIV baru dan perkongsian jarum dadah suntikan sebanyak 47.6 peratus saja.

Kes jangkitan HIV akibat hubungan seksual di negara kita meningkat saban tahun, namun berdasarkan laporan PBB, kesedaran orang ramai di dua negara menerima jangkitan HIV tertinggi menerusi adaptasi seks secara selamat dan perkongsian maklumat hubungan seks bebas terhadap generasi muda membantu

menurunkan peratusan kes sehingga lebih 50 peratus kes di India dan kira-kira 35 peratus kes di Afrika Selatan

Sementara itu, Selangor dikesan mendahului senarai utama pembawa virus HIV pada tahun lalu iaitu 536 orang, diikuti Johor (524), Kelantan (462), Pahang (383), Terengganu (352), Kuala Lumpur (298), Perak (240), Sabah (196), Kedah (161), Sarawak (141), Pulau Pinang (132), Melaka (123), Negeri Sembilan (85) dan Perlis (19).

Berbanding 2009, Kelantan mencatatkan kes tertinggi iaitu 596 kes, diikuti Pahang 431, Selangor (378), Terengganu (315), Johor (243), Pulau Pinang (224), Kedah (176), Kuala Lumpur (175), Sarawak (146), Perak (124), Sabah (88), Melaka (80), Negeri Sembilan (62) dan Perlis (43).



Wanita tidak mampu berbincang dengan suami untuk mengamalkan seks selamat mahupun menggunakan kondom sekali gus takut bertegas dan dipukul apabila melakukan hubungan tanpa penetrasi bersama suami

Zaman Khan
Presiden Majlis
Aids Malaysia

